

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 15 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L54611  
**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan terdapat ramai rakyat Malaysia menghadapi masalah bankrap kerana hutang kad kredit, adakah Kerajaan akan meluluskan pengeluaran KWSP bagi mereka melangsanka hutang tersebut.
2. PR-1311-L53985  
**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan/kes yang telah diterima dan berjaya diselesaikan oleh EAIC (*Enforcement Agencies Integrity Commission*) dan kos pengendalian badan ini semenjak ditubuhkan.
3. PR-1311-L54098  
**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tahap keselamatan data dan maklumat yang dikongsi secara bebas melalui aplikasi telefon pintar seperti "WhatsApp" dan terkini "KAKAO".
4. PR-1311-L53790  
**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan terhadap bekas tapak pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Janda Baik.
5. PR-1311-L53253  
**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status rancangan bagi mewujudkan sebuah insinerator di Bukit Payung, Batu Pahat.
6. PR-1311-L53826  
**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggubal Undang-undang baru atau pindaan untuk mengawal tadbir bidang kesihatan "*governing healthcare*" di Malaysia.

7. PR-1311-L53761

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian dalam membantu pekebun-pekebun kecil yang tinggal di kampung dan kawasan pedalaman yang bergantung hidup dengan kebun getah memandangkan harga getah yang terlalu rendah sekarang.

8. PR-1311-L54152

**Puan Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme pihak Kementerian bagi memastikan tiada diskriminasi dalam kadar tangga gaji pekerja asing dan pekerja tempatan.

9. PR-1311-L54949

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi, program serta projek-projek pembasmian kemiskinan yang:-

- (a) telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan di seluruh negara; dan
- (b) menurunkan kadar kemiskinan di Sabah daripada 19% pada tahun 2009 kepada 8% pada tahun 2012.

10. PR-1311-L54257

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan cadangan Ketua Polis Negara untuk mewujudkan zon larangan penunggang motosikal. Adakah wujudnya cadangan untuk melaksanakannya.

11. PR-1311-L54968

**Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan dalam melaksanakan operasi Pengangkutan Awam Bas Rapid sejak ianya diperkenalkan dan berapakah pulangan yang diperolehi sepanjang tempoh ianya beroperasi.

12. PR-1311-L54448

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) prosedur yang diguna pakai dalam menempatkan semula penduduk Flat 4 Tingkat PKNS Kg. Kerinch yang telah diambil alih tanah mereka untuk kepentingan pemaju swasta ; dan
- (b) mekanisme tuntas untuk menghentikan penyalahgunaan akta-akta seperti Akta Pengambilalihan Tanah untuk kepentingan pemaju swasta daripada berterusan.

13. PR-1311-L53473  
**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kuota perumahan rumah mampu milik dan PPR yang telah diluluskan di kawasan Sepanggar dan bila perlaksanaannya jika ada dan sertakan nama syarikat yang telah dikeluarkan kuota tersebut.
14. PR-1311-L53745  
**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian asas-asas demografi dan geografi yang akan digunakan oleh SPR untuk melakukan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya.
15. PR-1311-L54069  
**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah polisi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang sedia ada bagi membenarkan golongan yang merupakan penerima bantuan daripada JKM masih boleh menikmati bantuan daripada agensi lain memandangkan bantuan JKM sahaja dilihat tidak mencukupi untuk membantu mereka secara lebih holistik.
16. PR-1311-L53079  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan akan terus membenarkan parti-parti politik tertentu menggunakan bangunan, dewan mahupun padang sekolah-sekolah untuk kegiatan politik yang dibuat atas nama jawatan dalam Kerajaan, umpamanya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Menteri Besar dan seumpamanya, dan apakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membenarkan kegiatan politik yang sama dianjurkan di situ oleh parti-parti Pembangkang.
17. PR-1311-L53882  
**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani tindak tanduk rakyat Malaysia yang tidak berpuas hati dengan sistem Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) sehingga boleh menjelaskan nama baik negara di peringkat antarabangsa seperti mana tindakan 250 rakyat Malaysia berdemonstrasi di depan pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Belgrave Square London dan Republik Singapura baru-baru ini.
18. PR-1311-L54532  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menggubal undang-undang untuk melarang perkahwinan kanak-kanak (*child marriages*) selaras dengan kewajipan Kerajaan di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

19. PR-1311-L53172  
**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memajukan Kawasan Ayer Hitam dan Yong Peng sebagai destinasi pelancongan yang berjaya.
20. PR-1311-L53497  
**Tuan Seah Leong Peng [ Telok Intan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa jalan raya Koridor Teluk Intan-Changkat Jong-Langkap masih belum dinaik taraf sedangkan peruntukan sebanyak RM500,000 telah diumumkan ada Februari 2012 oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri.
21. PR-1311-L53346  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dan Kerajaan bagi menggantikan kapal terbang 'Twin Otter' yang ada sekarang.
22. PR-1311-L53912  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengendalikan penerbangan antarabangsa seperti ke Singapura, China, Indonesia dan sebagainya di Lapangan Terbang Sibu memandangkan Kerajaan telah menaiktaraf Lapangan Terbang Sibu pada tahun lepas.
23. PR-1311-L53503  
**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah holistik dalam membangunkan ekonomi luar bandar seiring dengan matlamat menuju status negara maju.
24. PR-1311-L54024  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan berapakah subsidi dan kos sebenar untuk menuahkan "Kedai Rakyat 1Malaysia" di seluruh tanah air.
25. PR-1311-L53058  
**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kesediaan untuk menambah waktu program siaran langsung perbahasan sidang dewan Parlimen sebagai satu langkah untuk memperkasakan transformasi politik.
26. PR-1311-L53138  
**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan jumlah makmum yang boleh dimuat tiap-tiap Masjid Negeri di seluruh negara.
27. PR-1311-L53743  
**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah senjata api yang telah dikeluarkan kepada individu dan bukan individu, jika ada mengikut jenis, kaum dan negeri.

28. PR-1311-L54031

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa tidak dilaksanakan pengisytiharan aset kepada umum sebagaimana dijalankan di Pulau Pinang dan memperkenalkan tender kompetitif terbuka yang dilaungkan oleh Menteri Senator Paul Low. Adakah beliau mencadangkananya dalam Kabinet dan bagaimana pengisytiharan harta secara umum akan menggugat keselamatan peribadi.

29. PR-1311-L54784

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian / MADA untuk meningkatkan kepadatan (*density*) talair di Kawasan MADA berbanding dengan kawasan tanaman padi lain seperti di Selangor. Berapakah peruntukan yang disediakan; dan
- (b) apakah tahap pencapaian perancangan Kerajaan mewujudkan Pusat Benih Padi Bermutu Tinggi.

30. PR-1311-L54195

**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mencadang kepada SPR supaya melaksanakan had 15% sebagai perbezaan maksimum jumlah pengundi di antara kawasan-kawasan Parlimen dalam persempadanan semula kawasan-kawasan yang akan dilakukan tahun ini.

31. PR-1311-L54412

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada pelancaran senjata '*missile*' oleh Korea Utara boleh menjelaskan ketenteraman dan keselamatan negara Malaysia.

32. PR-1311-L54282

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kesudian Kerajaan untuk diklasifikasikan "*environmental and technical impact assessment*" untuk pembinaan Langat 2 dan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor.

33. PR-1311-L53139

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan menimbangkan kemasukan kawasan sawah padi dalam Parlimen Parit ke dalam Sekim Pengairan Kerian-Sungai Manik. Dengan kemasukan itu hasil pengeluaran dijangka bertambah.

34. PR-1311-L54677

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menubuhkan Independent Police Complaint and Misconduct Commission (IPCMC) untuk menambahbaikkan disiplin pasukan PDRM.

35. PR-1311-L53716  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan Sistem AES (*Automated Enforcement System*) sudah digunakan di negara-negara maju dan terbukti berkesan. Apakah isu serta masalah sehingga ia terpaksa ditangguhkan.Bilakah agaknya ia akan digunakan sepenuhnya.
36. PR-1311-L54164  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneliti semula Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 memandangkan ia bercanggah dengan Artikel 7 dan 8 *Universal Declaration of Human Rights*.
37. PR-1311-L54639  
**Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini hutang dalam negeri dan hutang luar negara bagi Malaysia serta perbandingan dengan Negara ASEAN dan Negara Eropah yang mengalami krisis kewangan.
38. PR-1311-L54426  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan senarai nama Twitter dan Facebook bagi para Menteri, Timbalan Menteri dan Kementerian masing-masing, sama ada peruntukan Kerajaan dibelanjakan.
39. PR-1311-L53609  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memantau keberkesanan program *Get Malaysian Business Online (GMBO)* terutamanya pencapaian usahawan-usahawan wanita dalam program ini serta nyatakan statistik mengenai kesan sebelum dan selepas usahawan-usahawan wanita menyertai program tersebut.
40. PR-1311-L53607  
**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam perlaksanaan gaji minimum dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap majikan yang gagal melaksanakan gaji minimum.
41. PR-1311-L53261  
**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah pencapaian projek jalan luar bandar bagi kawasan Sarawak di bawah NKRA untuk tahun 2010-2012; dan
  - (b) untuk tahun 2013 rakyat di Parlimen Sibuti di kawasan Skim Sepupok, Lajong Niah, Kuala Sibuti, Sungai Telajin Ulu Sibuti, Sungai Pidek, Sekolah Ulu Satap memohon untuk pembinaan jalan berturap, adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk cadangan tersebut.

42. PR-1311-L54212

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaiktaraf kem-kem Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) yang sedia ada ke tahap yang lebih baik bagi menambah kekuatan pertahanan yang sedia ada khususnya di kawasan Parlimen Jerantut.

43. PR-1311-L53209

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kementerian bersetuju untuk memastikan pendidikan dan sukan adalah elemen penting dalam menjayakan aspirasi negara untuk melaksanakan penyatuan nasional bagi mengeratkan hubungan pelajar pelbagai kaum di negara ini.

44. PR-1311-L53252

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang garis panduan dan syarat-syarat mengenai kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya:-

- (a) apakah jumlah pengundi yang paling minimum dan maksimum dibenarkan untuk sebuah kawasan parlimen; dan
- (b) senaraikan kawasan-kawasan Parlimen yang perlu dipersempadanan semula dan bagaimanakah kajian ini tidak akan lari daripada prinsip satu orang satu undi.

45. PR-1311-L53776

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan berdasarkan kaum/bangsa dan negeri mulai 2008 hingga kini.

46. PR-1311-L54596

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah bon hutang Kerajaan Persekutuan (dan agensi di bawahnya) yang telah dan akan diterbitkan bagi tahun 2013. Bagi setiap terbitan bon, senaraikan pemegang-pemegang bon ini.

47. PR-1311-L54376

**Dato' Sri Azalina binti Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah dasar Kementerian terhadap Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dalam isu pembangunan perumahan terutama sekali di kawasan Parlimen Pengerang yang mana kos rumah dua tingkat mencecah RM400,000 lebih dan rumah kedai mencecah RM500,000 lebih. Apakah tindakan KEJORA untuk menjamin bahawa pembeli tempatan berkemampuan membeli dan diutamakan.

48. PR-1311-L53523  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengekalkan laut sebagai sumber utama bekalan omega 3 kita. Setakat manakah langkah-langkah ini berjaya dalam memulihkan stok ikan dan hidupan laut yang lain.
49. PR-1311-L53677  
**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah proses terkini mengenai *Automated Enforcement System (AES)* selepas ditangguhkan seketika pelaksanaan sistem ini. Adakah pihak kementerian bercadang membuat penambahbaikan sistem ini di masa hadapan.
50. PR-1311-L53395  
**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan program netbook telah membantu meningkatkan prestasi pelajar.
51. PR-1311-L54249  
**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapakah Kementerian membenarkan Padiberas Nasional (Bernas) menekan petani kampung di Sg. Burong dan Sekinchan dengan memberi harga lebih rendah daripada petani di kawasan lain.
52. PR-1311-L53325  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menggalakkan rakyat menggunakan sumber air hujan (*rainwater harvesting*) sebagai sumber bekalan air negara memandangkan negara kita mempunyai kadar hujan yang sangat tinggi.
53. PR-1311-L54670  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini cadangan menggantikan 18 pesawat Multi-Role Combat Aircraft (MRCA) dan butiran perjanjian hub pertahanan di Sungkai, Tanjung Malim yang dijalankan di LIMA 2013 Langkawi.
54. PR-1311-L54761  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) sama ada Menteri sedar berkenaan dengan pencemaran daripada debu amang bijih besi sepanjang perjalanan daripada lombong bijih besi sehingga ke pelabuhan. ; dan
  - (b) sekiranya ya, apakah langkah pihak kementerian untuk mengawal pencemaran dari debu amang bijih besi tersebut supaya ia tidak mendatangkan mudarat kepada alam sekitar dan manusia.

55. PR-1311-L54515  
**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana jurang pencapaian antara pelajar-pelajar bandar dan luar bandar diukur dan dipantau dan apakah hasil yang diperolehi atau dijangka diperolehi daripada perlaksanaan 1BestariNet yang sepatutnya mengurangkan jurang tersebut.
56. PR-1311-L54134  
**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) prestasi pembangunan perumahan mampu milik berharga kurang RM100 ribu yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) mengikut jumlah yang telah siap dan sedang dilaksanakan
  - (b) berapa banyak yang telah dijual mengikut kawasan dan kaum diseluruh negara.
57. PR-1311-L54753  
**Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berkaitan dengan pelaksanaan Projek Nelayan di Tg. Dawai yang bernilai RM 45 Juta yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika kunjungan beliau di Tg Dawai Pada 31/10/2012 dan projek tersebut akan dibangunkan oleh Kementerian Asas Dan Tani (MOA).
58. PR-1311-L53380  
**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian bagi meningkat dan menstabilkan harga getah supaya pendapatan pekebun kecil lebih terjamin.
59. PR-1311-L54819  
**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Ratu Elizabeth I akan siap dibina. Apakah rancangan Kerajaan untuk menambah baik mutu perkhidmatan klinik dan hospital Kerajaan di Sabah. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak klinik dan hospital Kerajaan di Sabah.
60. PR-1311-L53447  
**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk membentuk sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja (RCI) berhubung PRU-13.
61. PR-1311-L53542  
**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sudah bersedia untuk melaksanakan sekolah satu aliran di Malaysia. Jika ya, bagaimanakah perlaksanaannya kelak dan jika tidak, bila cadangan tersebut akan cuba dilaksanakan. Ini penting kerana sekolah dilihat sebagai salah satu medium permulaan terbaik bagi memupuk Budaya Integrasi Nasional.

62. PR-1311-L53567

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai orang yang hidup di bawah garis kemiskinan di Kampar, dan daripadanya berapa yang di bawah paras kemiskinan tegar.

63. PR-1311-L54564

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha usaha Kementerian secara terperinci bagi melindungi dan mengutamakan keselamatan kanak-kanak daripada sebarang kemalangan dan jenayah yang sedang berleluasa.

64. PR-1311-L53271

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) kerugian yang terpaksa Kerajaan tanggung akibat Pencerobohan Lahad Datu; dan
- (b) perkembangan terkini berkaitan siasatan pihak yang terlibat dalam isu ini dan langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengawal perairan Sabah dan Sarawak supaya tidak dibolosi penceroboh.

65. PR-1311-L54840

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa permohonan IC biru di Sarawak masih belum diluluskan dan jumlah bilangan permohon yang menunggu lebih dari 5 tahun. Berapa kes dengan ibu bapa semulajadi tidak diketahui. Bagaimana Kementerian menyelesaikannya. Bagaimana memohon menjalankan kajian DNA untuk menentukan ibu bapa semulajadi.

66. PR-1311-L53791

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak ditubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan, berapakah jumlah kakitangan, termasuk lantikan politik seumpama Penyelia Pembangunan Mukim yang dilantik dan berapa pula perbelanjaan tahunan yang terpaksa ditanggung oleh pihak JPP.

67. PR-1311-L54488

**Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membawa semula novel 'Interlok' sebagai satu teks kajian untuk SPM. Jika ya, apakah alasan-alasan Kerajaan untuk berbuat demikian kerana novel itu terang-terang menghina masyarakat India secara khusus dan kaum-kaum lain secara umum.

68. PR-1311-L53640  
**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- apakah benar ramai graduan dari pusat-pusat latihan swasta yang berkelulusan jururawat masih belum mendapat pekerjaan; dan
  - jika benar, apakah penyebabnya.
69. PR-1311-L54843  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terperinci mengenai kadar jenayah mengikut negeri dan senaraikan laporan polis jenayah ragut, rompak dan pecah rumah bagi daerah Polis Cheras, Dang Wangi, Brickfields dan Sentul pada tahun 2012 dan tahun tempoh bulan Januari-Jun 2013.
70. PR-1311-L53091  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini hutang negara termasuk hutang dalam negeri dan jumlah hutang luar negara.
71. PR-1311-L54030  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada cukai peribadi 15% di zon Iskandar sahaja untuk *Returned Expatriate Programme (REP)* akan diperluaskan di seluruh negara dan juga kepada pakar-pakar tempatan yang tidak berhijrah ke luar negeri agar tidak ada kejanggalan satu negara dua sistem. Berapakah pakar yang pulang dibawah REP dan dalam kepakaran apa.
72. PR-1311-L53796  
**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengkaji semula pemberian pampasan kepada para peneroka awal seramai 24 orang di Rancangan Tanah Belia (RTB) Kampung Labu, Lanjut, Sepang yang hanya diberikan pampasan RM20,000.00 seekor apabila harta tanah yang mereka teroka dari hutan belantara sejak 1975 diambil untuk projek KLIA pada tahun 1995.
73. PR-1311-L54469  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek perluasan dan naiktaraf Jalan Labuk, Batu 8-16, dan nyatakan bila ia boleh siap, meramandangkan tempoh pelengkapan asal adalah 27 April 2012. Nyatakan jumlah peruntukan untuk projek ini, dan berapakah yang sudah digunakan setakat ini.
74. PR-1311-L54721  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab konsesi loji tenaga sedia ada, Genting Sanyen dan Segari dipanjangkan dengan kadar yang lebih tinggi, 35.3 sen dan 36.3 sen setiap kWh walaupun sebuah loji baru Tenaga Nasional yang baru dapat membekalkan tenaga elektrik dengan kadar 34.7 sen sahaja.

75. PR-1311-L53461  
**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Lapangan Terbang Kuala Terengganu merupakan pintu masuk (gateway) antarabangsa ke pantai timur yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pelancongan di Pantai Timur.
76. PR-1311-L54868  
**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status IKBN Tanah Merah yang kini terbengkalai, apakah kontraktor baru akan dilantik.
77. PR-1311-L54803  
**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memberi perhatian kepada laporan *Global Financial Integrity* (yang difahami bersumber dari World Bank dan IMF) bahawa pengeluaran wang haram dari Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengesahkan kesahihahan laporan dan menyekat pengeluaran wang haram ini.
78. PR-1311-L54860  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah lebuh raya baru akan dibina yang mula daripada atau merentasi kawasan Parlimen Puchong, di mana serta sama ada ianya akan bertol dan bila jangka tarikh pembinaan dan persiapannya.
79. PR-1311-L53785  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana kerjasama yang telah dilakukan bersama Kementerian Pendidikan untuk mengkaji keberkesanan kurikulum pendidikan jasmani dalam membina bakat muda di samping usaha untuk membudayakan sukan di kalangan rakyat.
80. PR-1311-L53846  
**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memberhentikan pemburuan dan penjualan daging beruang yang dilindung sepenuhnya "Malayan Sun Bear" terutamanya di Sarawak.
81. PR-1311-L53421  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan meletakkan SPR dan SPRM di bawah pengawasan Parlimen bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada sistem pentadbiran negara yang semakin pudar terhadap kredibiliti badan-badan tersebut.
82. PR-1311-L53957  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang perkembangan projek-projek hospital baru di Shah Alam, Selangor dan Sri Aman, Sarawak yang terbengkalai sekian lama ini.

83. PR-1311-L53568  
**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk membentangkan sebuah belanjawan yang seimbang pada tahun yang akan datang dan sekiranya ada, bila kerajaan akan mula mengambil pendekatan pengurusan kewangan yang tidak berdasarkan peningkatan hutang negara.
84. PR-1311-L54701  
**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD) tidak diletak di bawah Kementerian Pengangkutan dan sebab-sebab permit tekzi individu tidak diberikan keutamaan untuk menganti permit tekzi korporat.
85. PR-1311-L53885  
**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang tindakan berhubung dengan insiden syarikat penerbangan tambang murah Air Asia yang tidak memberikan kebenaran kepada penumpang kanak-kanak yang disyaki menghidap cacar walaupun penumpang berkenaan telah mengakui yang ia telah sembah dari penyakit tersebut.
86. PR-1311-L54237  
**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibelanjakan oleh SPR untuk membeli dakwat kekal dan siapakah pembekalnya. Apabila dakwat diterima, adakah ia diuji kualitinya sebagai dakwat kekal.
87. PR-1311-L53133  
**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuhraya Persisiran Pantai ke Changkat Jering akan dimulakan.
88. PR-1311-L54328  
**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan proses penganugerahan projek kerja baik pulih dan menaik taraf kuarters di Pusat Latihan Polis di Jalan Semarak Kuala Lumpur. Nyatakan berapakah harga, nama kontraktor dan cara pemilihan kontraktor.
89. PR-1311-L54903  
**Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan khususnya PDRM klasifikasi kes-kes tohmahan serta surat layang diambil kira oleh Urusetia Tatatertib PDRM sedangkan kadang-kadang surat layang itu tidak relevan serta berunsur penganiayaan. Berapakah statistik kes surat layang diambil kira oleh Urusetia Tatatertib PDRM.
90. PR-1311-L55003  
**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penyeludupan dadah oleh rakyat atau pelancong Timur Tengah dalam tempoh tiga tahun lalu mengikut pecahan negara dan pada pandangan Kerajaan sejauh manakah sindiket ini telah memberi kesan kepada rakyat dan negara ini.

91. PR-1311-L54933  
**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang diperuntukkan untuk dibina dan dimiliki bagi rakyat di kawasan Parlimen Lumut khususnya, di negeri Perak dan seluruh negara amnya.
92. PR-1311-L54988  
**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan dana untuk membina jalan bertar menuju ke Kampung Cina, Sungai Sian, Tanjong Manis dan melebar dan menaiktaraf jalan menuju ke Sekolah Cina di Sungai Sian.
93. PR-1311-L54978  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan hampir 56 tahun mencapai kemerdekaan tetapi kemudahan asas di Kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia seperti jalan kampung dan air bersih masih tidak memuaskan. Apakah usaha yang akan dilakukan oleh Kementerian selepas PRU-13 ini terutama dalam Parlimen Gerik.
94. PR-1311-L53579  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bantuan yang disediakan oleh BNM kepada pelabur-pelabur dalam mendapat kembali wang mereka dalam syarikat-syarikat perdagangan emas seperti Genneva Malaysia Sdn Bhd, Pageantry Gold Sdn Bhd, Caesar Gold Sdn Bhd dan Worldwide Far East Bhd.
95. PR-1311-L54222  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kepada Dewan bilangan petisyen pengampunan yang masih belum selesai di hadapan Lembaga-Lembaga Pengampunan di seluruh negeri sehingga 1 Jun, 2013.
96. PR-1311-L53636  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap negara anggota Asean Myanmar berhubung keganasan dan pembunuhan yang berlaku terhadap umat Islam terutama etnik Rohingya di negara tersebut.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“BAHAWASANYA, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 16 Mei 2013 seperti berikut :

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan dengan Kementerian Pelajaran yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi berkaitan kebudayaan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang kini dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Pelancongan yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi kesejahteraan bandar di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang kini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang kini dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

DAN BAHAWASANYA-

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2013 [Akta A1446];
- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013;
- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya; dan

- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI, membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus-
  - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima bilion lapan ratus tiga puluh enam juta sembilan ratus tujuh puluh lima ribu sembilan ratus empat puluh tujuh ringgit (RM5,836,975,947) di bawah Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud B.41 Kementerian Pendidikan;
  - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus empat puluh dua juta tiga ratus tujuh belas ribu seratus dua puluh tiga ringgit (RM242,317,123) di bawah Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud B.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
  - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi tujuh juta enam ratus lima puluh empat ribu lapan ratus tiga puluh empat ringgit (RM7,654,834) di bawah Maksud B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud B.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan-
  - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion sembilan ratus tujuh puluh lima juta seratus tujuh puluh satu ribu tiga ratus tujuh puluh satu ringgit (RM1,975,171,371) di bawah Maksud P.49 Kementerian Pengajian Tinggi kepada Maksud P.41 Kementerian Pendidikan;
  - (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam puluh empat juta tiga ratus empat puluh ribu lapan ratus enam puluh ringgit (RM64,340,860) di bawah Maksud P.32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kepada Maksud P.43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
  - (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima puluh tujuh juta tiga puluh ribu tiga ratus lapan puluh lima ringgit (RM57,030,385) di bawah Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kepada Maksud P.31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.”

2. (D.R. 4/2013)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
------------------	----------------------------------------------------	-------------------------------

**[ Menteri Kewangan ]****DAN****Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima ratus tiga belas juta empat ratus enam puluh sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM513,469,560) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2012 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 2013 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. PR-1311-U53624

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon.

Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

4. PR-1311-U53641

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

**(Perdana Menteri)**

5. PR-1311-U53665

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global.

Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

**(Menteri Pendidikan)**

6. PR-1311-U53673

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

**(Perdana Menteri)**

7. PR-1311-U53606

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

**(Perdana Menteri)**

8. PR-1311-U53671

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

**(Menteri Dalam Negeri)**

9. PR-1311-U53672

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

10. PR-1311-U53434

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

**(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)**

11. PR-1311-U54335

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

**(Perdana Menteri)**

12. PR-1311-U54336

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia."

**(Menteri Pengangkutan)**

13. PR-1311-U54337

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

**(Menteri Pendidikan)**

14. PR-1311-U54338

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

**(Menteri Kewangan)**

15. PR-1311-U54339

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

**(Perdana Menteri)**

16. PR-1311-U54341

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)**

17. PR-1311-U53963

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

**(Menteri Sumber Manusia)**

18. PR-1311-U53965

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

**(Menteri Wilayah Persekutuan)**

19. PR-1311-U54604

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

**(Menteri Dalam Negeri)**

20. PR-1311-U54605

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

**(Menteri Pendidikan)**

21. PR-1311-U55044

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

**(Menteri Dalam Negeri)**

22. PR-1311-U55043

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

**(Perdana Menteri)**

23. PR-1311-U55045

**Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [ Padang Serai ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (subjudice)."

**(Perdana Menteri)**